

18 JUNE 2004

Hishammuddin-Calon (Bergambar)

BAHAGIAN PEMUDA BERHAK TENTUKAN CALON PERINGKAT TERTINGGI PERGERAKAN

PUTRAJAYA, 18 Jun (Bernama) -- Semua bahagian Pemuda berhak menentukan calon di kalangan anggotanya untuk bertanding di peringkat tertinggi pergerakan itu pada pemilihan parti September depan tanpa terikat dengan cadangan oleh Perhubungan Pemuda negeri.

Ketua Pergerakan itu Datuk Hishammuddin Tun Hussein berkata walaupun perhubungan Pemuda di peringkat negeri membuat kenyataan (mengenai calon pilihan), bahagian tidak semestinya akur atau ikut.

Jika ada pencalonan individu-individu tertentu untuk jawatan tertinggi dalam pergerakan di peringkat bahagian dan mendapat sokongan, ia tidak boleh disekat, katanya selepas mengetuai 12 anggota Exco pergerakan itu melakukan kunjungan hormat ke atas bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad di pejabatnya, di sini hari ini.

Hishammuddin berkata dalam Umno, amalan demokrasi dan kebebasan memilih iaitu menyerahkan kepada anggota memilih calon untuk jawatan dalam parti merupakan amalan yang sihat dalam parti.

Beliau turut mengingatkan anggota Pemuda yang menawarkan diri untuk bertanding jawatan tinggi dalam pergerakan itu supaya tidak bertanding hanya kerana jawatan.

Menurutnya beliau mahu melihat pemimpin Pemuda terutama barisan Exco bersama-sama beliau melaksana dan menterjemahkan perjuangan pergerakan kepada gerak kerja daripada hanya memikirkan tentang jawatan.

Beliau juga berkata Pemuda juga diminta tidak terpengaruh dengan gembar-gembur politik yang boleh memesongkan landasan pemikiran, lebih-lebih lagi dalam suasana pemilihan parti sekarang ini.

Mengulas kenyataan Ketua Bahagian Umno Tebrau Datuk Shahrir Samad bahawa Umno kekurangan pemimpin pelapis bagi mengisi barisan kepimpinan Umno pada masa depan, Hishammuddin berkata masa depan Umno tidak bergantung kepada seorang individu (dan) Umno tidak bergantung kepada satu jawatan."

Malah katanya, masih terlalu awal untuk pemimpin tertinggi Pemuda memikirkan untuk merebut jawatan contohnya diperingkat Majlis Tertinggi.

-- BERNAMA

RIZ LAT